

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENGANUGERAHAN BIASISWA KUMPULAN RENONG
Lokasi : SUBANG MERLIN
Tarikh : 08-09-1993

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kumpulan Renong kerana telah sudi menjemput saya untuk menyempurnakan Majlis Penganugerahan Biasiswa Kumpulan Renong pada hari ini.

2. Negara kita pada waktu ini berada dalam suasana yang baik untuk para pelabur tempatan serta asing menanam modal. Ini jelas dapat dilihat pada meningkatnya aktiviti perniagaan dan perdagangan serta bertambah dengan banyaknya syarikat-syarikat serta kilang-kilang yang besar di negara kita. Jika 20 tahun dahulu mereka hanya tertumpu di kawasan Lembah Klang serta bandar-bandar besar sahaja tetapi sekarang banyak kilang, syarikat perniagaan serta bank-bank sudah pun membuka pejabat-pejabat serta pusat-pusat operasi mereka di seluruh negara. Namun, satu masalah yang dihadapi oleh kebanyakan mereka ialah kekurangan tenaga pekerja sama ada pekerja mahir ataupun separuh mahir. Akibat daripada kekurangan pekerja ini kita menghadapi satu fenomena lain pula.

Fenomena yang saya maksudkan di sini ialah 'job-hopping' iaitu seseorang pekerja itu akan bertukar-tukar kerja dari satu tempat ke satu tempat lain dalam suatu jangka masa yang singkat. Keadaan ini boleh berlaku kerana syarikat-syarikat swasta ini, di dalam usaha mereka untuk mengisi keperluan kakitangan mengambil jalan mudah dengan 'mengumpan' pekerja-pekerja dari syarikat-syarikat atau kilang-kilang lain dengan tawaran gaji yang lebih lumayan daripada tempat asal mereka kerja. Dan ini akan berterusan. Inilah kenyataannya sekarang. Malangnya langkah mudah ini hanya dapat menyelesaikan masalah dalam jangka pendek sahaja tetapi dalam jangka panjangnya kita semua akan rugi. Kerana itulah saya berasa bangga dan amat berbesar hati dengan Kumpulan Renong yang berani dan sanggup menangani masalah ini dengan mengambil jalan yang lebih berkesan walaupun ianya memerlukan tenaga, masa dan wang ringgit yang banyak.

3. Penganugerahan Biasiswa Renong ini amatlah dihargai oleh semua pihak. Ia menunjukkan bahawa selain daripada pihak Kerajaan, pihak swasta juga turut mengambil berat terhadap kepentingan golongan muda yang akan menerajui kepimpinan negara di masa hadapan. Sesungguhnya beban untuk meninggikan taraf pelajaran golongan tersebut adalah tanggungjawab kita semua, baik kerajaan mahupun swasta.

4. Saya juga difahamkan bahawa selain daripada sumbangan dalam bentuk wang ringgit, Kumpulan Renong juga menyediakan calon-calon daripada segi persediaan mental dengan menganjurkan suatu program dalaman sebelum mereka berlepas ke seberang laut. Program latihan ini memberi pendedahan kepada mereka terhadap suasana dan budaya kerja di bidang korporat yang akan mereka sertai kelak.

5. Kepada calon-calon yang berjaya saya mengucapkan tahniah dan selamat berjaya. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan saudara-saudari sekalian supaya peluang yang disediakan ini hendaklah digunakan dengan sebaik mungkin. Kepada para ibu bapa pula saya ingin mengucapkan syabas kerana telah berjaya mendidik anak-anak dengan cemerlang sekali. Sesungguhnya kejayaan mereka adalah juga kejayaan kita bersama.

6. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan rancangan Yayasan Biasiswa Renong. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala merestui rancangan ini dan mencucuri lebih banyak lagi rezeki kepada Kumpulan Renong supaya anak-anak muda kita dapat menumpang sama kemajuan dan kebahagiaan Kumpulan Renong ini.

7. Dengan harapan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penganugerahan Biasiswa Renong serta Penyerahan Sijil Tamat Latihannya. Terima kasih.